

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَفْوَاجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ
مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ أَبْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَنَاتِهِمْ
وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾
الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

(Surah al-Mukminun : 5-11)

Ayat di atas menjelaskan ciri-ciri mukmin berjaya.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** ciri mukmin berjaya yang terdapat dalam ayat di atas selain memelihara solat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan cara memelihara solat. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
«اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ»، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: «الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ
النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ
الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِيَّاتِ»
(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang dosa-dosa besar yang wajib dihindari.
Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** dosa besar yang terdapat dalam hadis di atas selain membunuh. [2 markah]
- (ii) Nyatakan maksud membunuh. [2 markah]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>





(iii) Mengapakah situasi di atas berlaku? [2 markah]

(iv) Analisis data tingkah laku bunuh diri di atas dengan mencadangkan cara mengatasinya. [4 markah]

(c) Namakan **dua** pembahagian *ibtida'*. [2 markah]

2 (a) Ajaran sesat adalah ajaran yang bercanggah dengan syariat Islam.

(i) Jelakan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek al-Quran dan Hadis. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan melakukan ajaran sesat. [4 markah]

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“ Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekiranya berpegang dengannya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.”

(Riwayat Malik)

(iii) Ramalkan situasi yang akan terjadi sekiranya umat Islam mengabaikan maksud hadis di atas. [4 markah]

(b) Allah SWT mempunyai nama dan sifat mulia yang wajib diimani oleh setiap orang Islam.

(i) Apakah maksud al-Syahid? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti nama Allah SWT bersifat al-Syahid. [2 markah]

(c) (i) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij tentang isu berikut;

(1) Kedudukan iman. [2 markah]

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Maksud :

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan- jalan (lain daripada Islam) kerana jalan-jalan yang lain itu menceraikan kamu daripada jalan Allah.....

(Surah al-An'am :153)

- (ii) Berdasarkan ayat hubung kaitkan suruhan Allah SWT untuk membentuk pegangan akidah yang kukuh. [4 markah]

3 (a) Solat sunat Duha ialah solat sunat yang digalakkan dalam Islam.

- (i) Nyatakan maksud solat sunat Duha. [2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** hikmah menunaikan solat sunat Duha. [4 markah]

Solat sunat Duha merupakan amalan sunat yang sangat digalakkan kerana mempunyai pelbagai kelebihan.

- (iii) Bincangkan langkah melaksanakan solat sunat Duha secara istiqamah. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 markah]



- (ii) Sembelihan mengikut kaedah Islam merupakan cara terbaik, kemukakan pandangan anda. [4 markah]

- (c) (i) Apakah maksud takzir? [2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** contoh hukuman takzir. [2 markah]

4 (a) Kerajaan Abbasiyyah wujud selepas pemerintahan kerajaan Umaiyyyah berakhir.

(i) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyyah dari aspek sosial.

[2 markah]

Semangat jihad yang tinggi dalam menguasai pelbagai bidang ilmu dan kemahiran adalah antara faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah.

(ii) Sebagai seorang murid di sekolah, bagaimanakah anda menghayati semangat jihad untuk meningkatkan kecemerlangan diri? [4 markah]

(b) (i) Siapakah pemerintah pertama dan terakhir kerajaan Uthmaniyyah? [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** sumbangan pemerintah pertama kerajaan Uthmaniyyah. [2 markah]

(c) (i) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak Salahuddin al-Ayubi. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dari aspek pentadbiran. [4 markah]

Salahuddin al-Ayubi terkenal sebagai tokoh Islam yang berjaya membebaskan Baitulmaqdis daripada tentera Salib.

(iii) Ramalkan implikasi kepada negara sekiranya pemimpin tidak menjalankan tanggungjawabnya. [4 markah]

5 (a) Sifat *khauf* dan *raja* ' merupakan sifat yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

(i) Apakah maksud *khauf*? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** konsep *khauf* dan *raja* ' yang seimbang. [4 markah]

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشِ اللَّهَ وَيَتَّقْهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

Maksud: Dan sesiapa yang taat kepada Allah SWT dan RasulNya serta takut melanggar perintah Allah SWT serta bertaqwa kepadaNya, maka mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

(Surah al-Nur: 52)

(iii) Kemukakan hujah anda, hubungkaitkan maklumat di atas dengan konsep *khauf* dan *raja* ' dalam kehidupan. [4 markah]

- (b) (i) Jelaskan **dua** adab menyantuni orang kurang upaya dari aspek emosi [2 *markah*]
- (c) (i) Nyatakan maksud tawaduk. [2 *markah*]

Rasululullah SAW menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul terutama dengan kanak-kanak walaupun mempunyai kedudukan yang mulia, baginda tidak sombong dengan kedudukannya sebaliknya baginda menghormati dan menyayangi kanak-kanak.

- (ii) Bagaimanakah sifat tawaduk boleh membentuk seorang anak yang baik? [2 *markah*]
- (iii) Kemukakan akibat jika murid berterusan bersikap kasar dan sombong dalam pergaulan sesama rakan di sekolah. Bincangkan. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT